

Kerajaan sedia mula laksana RMK-9, SJER

PM mahu rakyat turut beri kerjasama jayakan perancangan

Oleh Khirul Bahri Basaruddin,
Abdul Razak Raaff, Mohd Zin Ali
dan Johan Afandi

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau sudah bersedia untuk memulakan dan memastikan semua projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), termasuk Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER) dilaksanakan sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan projek RMK-9 sebenarnya sudah dimulakan melalui pelbagai usaha yang dibuat sejak beliau mula

mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 2003.

Sehubungan itu katanya, kini semua perancangan yang dibuat kerajaan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 sudah berada pada landasan pelaksanaan dan akan dipastikan berjalan dengan jayanya.

Katanya, selama ini orang ramai mendengar beliau mengumumkan perancangan kerajaan dan kini tiba sudah masanya semua itu dilaksanakan.

"Apakah yang Pak Lah akan buat? Adakah beliau hanya bercakap saja?

Sebelum ini, saya pernah meminta rakyat bekerja bersama saya dan kini sudah tiba masanya untuk kita bekerja bersama.

"Saya mempunyai tugas besar untuk memastikan pelaksanaan rancangan itu berjaya. Jika tidak, saya akan berhadapan masalah," katanya selepas merasmikan Loji Biodiesel Sawit Bersepadu usahasama Carotino Sdn Bhd dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Pasir Gudang, semalam.

Loji itu mampu mengeluarkan kira-kira 60,000 tan biodiesel sawit biasa dan 30,000 tan biodiesel gred iklim


sejuk setahun.

Abdullah berkata, kerajaan bukan saja merancang projek untuk masa depan tetapi juga mengawasi setiap projek yang dilaksanakan kini.

"Syukur alhamdulillah, kemajuan projek itu membanggakan dan saya amat gembira dengan perkembangan ini," katanya.

Mengenai pelan induk SJER, Abdullah berkata, kerajaan akan mengumumkannya tidak lama lagi dan meminta semua pihak bersabar.

"Semua orang perlu bersabar dan mereka kerap bertanya apa rancangan saya seterusnya," katanya.



REKA BENTUK MENARIK: Abdullah melihat kereta LMG model Trekker selepas majlis pelancaran kereta itu di Johor Bahru, semalam.